

BAB 4: ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Penganalisan Data

Bab ini akan membincangkan keputusan yang diperolehi daripada soal-selidik yang dijalankan ke atas 114 orang responden yang terdiri daripada para guru di salah sebuah sekolah menengah di daerah Petaling. Pembentangan dan penganalisan data akan dibuat berdasarkan tujuan kajian berikut:

- a. Apakah penilaian para guru terhadap aspek fizikal perkhidmatan bimbingan dan kaunseling?
- b. Apakah penilaian para guru terhadap peranan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam membantu pelajar yang menghadapi masalah peribadi?
- c. Apakah penilaian para guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam membantu pelajar yang menghadapi masalah akademik?
- d. Apakah penilaian para guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan maklumat kerjaya di sekolah yang dikaji?
- e. Apakah penilaian para guru terhadap keperibadian kaunselor di sekolah yang dikaji?
- f. Apakah penilaian para guru terhadap pelaksanaan aktiviti bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji?

g. Adakah terdapat perbezaan penilaian keseluruhan mengikut jantina, kaum, tahap pendidikan dan pengalaman bekerja guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji?

Bagi mencapai 6 tujuan kajian pertama iaitu dari a hingga f, kekerapan dan peratus digunakan untuk melihat penilaian para guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling serta keperibadian kaunselor di sekolah yang dikaji.

Ujian *t* digunakan untuk melihat sama ada wujud atau tidak perbezaan penilaian di kalangan responden mengikut jantina dan tahap pendidikan bagi tujuan kajian ketujuh. Penyelidik menggunakan ujian ANOVA digunakan untuk melihat sama ada wujud atau tidak perbezaan penilaian di kalangan responden mengikut kaum dan pengalaman bekerja responden. Aras signifikan ditetapkan pada aras .05. Sekiranya nilai yang diperolehi tidak melebihi aras signifikan .05, ujian *t* ditafsirkan sebagai menunjukkan perbezaan signifikan. Ujian *t* ditafsirkan sebagai tidak menunjukkan perbezaan signifikan jika nilai yang diperolehi melebihi aras signifikan .05.

4.2 Penilaian Terhadap Aspek Fizikal

Untuk menjawab soalan kajian yang pertama, iaitu apakah penilaian para guru terhadap aspek fizikal perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, data daripada item 1 hingga 4 telah dianalisis. Dapatannya adalah seperti dalam jadual 2.

Jadual 2: Penilaian Terhadap Aspek Fizikal

	Amat setuju	Setuju	Tidak setuju	Amat tidak setuju
Item 1	18.4% (21)	62.3% (71)	19.3% (22)	0.0% (0)
Item 2	4.4% (5)	50.9% (58)	42.1% (48)	2.6% (3)
Item 3	3.5% (4)	36.0% (41)	55.3% (63)	5.2% (6)
Item 4	4.4% (5)	31.6% (36)	59.6% (68)	4.4% (5)

Bagi item 1, iaitu sama ada bilik bimbingan dan kaunseling mempunyai kelengkapan asas yang mencukupi, 18.4% (21) responden amat bersetuju bahawa bilik bimbingan dan kaunseling di sekolah mereka mempunyai kelengkapan asas yang mencukupi. 62.3% (71) responden bersetuju bahawa bilik bimbingan dan kaunseling mempunyai kelengkapan asas yang mencukupi. 19.3% (22) responden pula tidak bersetuju bahawa bilik bimbingan dan kaunseling mempunyai kelengkapan asas yang mencukupi. Sementara itu, tiada responden yang amat tidak setuju dengan soal-selidik pertama ini.

Item 2 pula adalah sama ada terdapat bahan-bahan rujukan tentang bimbingan dan kaunseling untuk rujukan para pelajar. Peratus responden yang amat bersetuju adalah 4.4% (5) dan 50.9% (58) responden bersetuju bahawa terdapat bahan-bahan tentang bimbingan dan kaunseling untuk rujukan para pelajar. Manakala 42.1% (48) responden

tidak bersetuju bahawa terdapat bahan-bahan tentang bimbingan dan kaunseling untuk rujukan para pelajar berbanding dengan 2.6% (3) responden yang amat tidak bersetuju.

Untuk item 3 iaitu sama ada terdapat bahan-bahan rujukan tentang bimbingan dan kaunseling untuk rujukan para guru, 3.5% (4) responden pula amat bersetuju dengan item 3. 36% (41) responden bersetuju bahawa terdapat bahan-bahan rujukan untuk rujukan para guru berbanding dengan 55.3% (63) responden yang tidak bersetuju. Hanya 5.2% (6) responden yang amat tidak bersetuju bahawa terdapat bahan-bahan rujukan tentang bimbingan dan kaunseling untuk rujukan para guru.

Bagi item 4, 4.4% (5) responden amat bersetuju berbanding dengan 31.6% (36) responden yang bersetuju bahawa papan kenyataan untuk perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji digunakan dengan berkesan dan baik. 59.6% (68) responden pula tidak bersetuju bahawa papan kenyataan digunakan dengan baik dan berkesan berbanding dengan 4.4% (5) responden yang amat tidak bersetuju.

Pada keseluruhannya hanya 7.7% (9) responden amat bersetuju dan 45.2% (52) responden bersetuju bahawa aspek fizikal perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji adalah lengkap. Manakala 3% (3) responden amat tidak setuju dan 44.1% (50) responden tidak bersetuju bahawa aspek fizikal perkhidmatan bimbingan dan kaunseling adalah lengkap. Ini bermakna 52.9% (60) responden bersetuju berbanding dengan 47.1% (54) responden yang tidak bersetuju bahawa aspek fizikal perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji adalah lengkap.

4.3 Peranan Kaunseling Dalam Masalah Peribadi Pelajar

Bagi soalan kajian yang kedua iaitu apakah penilaian para guru terhadap peranan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam membantu pelajar yang menghadapi masalah peribadi, data daripada item 5 hingga 8 telah dianalisis. Dapatannya adalah seperti dalam jadual 3.

Jadual 3: Peranan Kaunseling Dalam Masalah Peribadi Pelajar

	Amat setuju	Setuju	Tidak setuju	Amat tidak setuju
Item 5	8.7% (10)	61.4% (70)	28.1% (32)	1.8% (2)
Item 6	9.7% (11)	49.1% (56)	36.8% (42)	4.4% (5)
Item 7	7.9% (9)	64.9% (74)	25.4% (29)	1.8% (2)
Item 8	7.9% (9)	67.5% (77)	23.7% (27)	0.9% (1)

Item 5 pula ialah sama ada perkhidmatan ini dapat membantu pelajar meningkatkan keyakinan diri. 8.7% (10) responden sahaja yang amat bersetuju bahawa perkhidmatan ini dapat membantu pelajar meningkatkan keyakinan diri berbanding dengan 61.4% (70) responden yang bersetuju dengan item 5. Bagi 28.1% (32) responden pula, mereka tidak bersetuju bahawa perkhidmatan ini dapat membantu pelajar meningkatkan keyakinan diri berbanding dengan 1.8% (2) responden yang amat tidak bersetuju.

Manakala bagi item 6 iaitu sama ada perkhidmatan ini dapat membantu pelajar yang bermasalah disiplin, didapati bahawa 9.7% (11) responden amat bersetuju berbanding dengan 49.1% (56) responden yang bersetuju dengan item ini. 36.8% (42) responden tidak bersetuju bahawa perkhidmatan ini dapat membantu pelajar yang bermasalah disiplin. 4.4% (5) responden amat tidak bersetuju bahawa perkhidmatan ini dapat membantu pelajar yang bermasalah disiplin.

Untuk item 7, 7.9% (9) responden amat bersetuju bahawa perkhidmatan ini membolehkan ibu bapa berbincang dengan kaunselor tentang masalah pelajar. Lebih separuh iaitu 64.9% (74) responden bersetuju perkhidmatan ini membolehkan ibu bapa berbincang dengan kaunselor tentang masalah pelajar. 25.4% (29) responden tidak bersetuju perkhidmatan ini membolehkan ibu bapa berbincang dengan kaunselor tentang masalah pelajar berbanding dengan 1.8% (2) responden yang amat tidak bersetuju.

Bagi item 8 pula dapatan kajian menunjukkan 7.9% (9) responden amat bersetuju bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling membantu pelajar yang menghadapi masalah pergaulan dengan rakan di sekolah berbanding dengan 67.5% (77) responden yang bersetuju. 23.7% (27) responden tidak bersetuju dan hanya 0.9% (1) responden sahaja amat tidak setuju bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling membantu pelajar menghadapi masalah pergaulan dengan rakan-rakan di sekolah.

Pada keseluruhannya, didapati bahawa 2.2% (3) responden amat tidak bersetuju bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dapat membantu pelajar yang menghadapi masalah peribadi. Bagi 28.5% (32) responden mereka tidak bersetuju bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dapat membantu pelajar yang menghadapi masalah peribadi berbanding dengan 60.7% (69) responden yang bersetuju. Manakala 8.6% (10) responden amat bersetuju bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dapat membantu pelajar yang menghadapi masalah peribadi. Ini bermakna 69.3% (79) responden bersetuju dan 30.7% (35) responden tidak bersetuju bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dapat membantu pelajar yang menghadapi masalah peribadi.

4.4 Peranan Kaunseling Dalam Masalah Akademik Pelajar

Data daripada item 9 hingga 12 telah dianalisis untuk menjawab soalan kajian ketiga iaitu apakah penilaian para guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam membantu pelajar yang menghadapi masalah akademik. Hasil dapatannya adalah seperti dalam jadual 4.

Jadual 4: Peranan Kaunseling Dalam Masalah Akademik Pelajar

	Amat setuju	Setuju	Tidak setuju	Amat tidak setuju
Item 9	5.3% (6)	53.5% (61)	39.5% (45)	1.8% (2)
Item 10	1.8% (2)	56.1% (64)	41.2% (47)	0.9% (1)
Item 11	7.9% (9)	78.9% (90)	13.2% (15)	0.0% (0)
Item 12	6.1% (7)	53.5% (61)	39.5% (45)	0.9% (1)

Bagi item 9 iaitu sama ada perkhidmatan ini memberi maklumat tentang keupayaan, minat dan aptitud pelajar-pelajar, 5.3% (6) responden amat bersetuju dan 53.5% (61) responden bersetuju dengan item ini. 39.5% (45) responden tidak bersetuju berbanding dengan 1.8% (2) responden yang amat tidak setuju bahawa perkhidmatan ini memberi maklumat tentang keupayaan, minat dan aptitud pelajar.

1.8% (2) responden amat bersetuju dengan item 10 iaitu perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji dapat membantu pelajar mengatasi masalah akademik. Walau bagaimanapun, 56.1% (64) responden bersetuju berbanding dengan 41.2% (47) responden yang tidak bersetuju. 0.9% (1) responden pula amat tidak bersetuju bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji dapat membantu pelajar mengatasi masalah akademik mereka.

Untuk item 11, 7.9% (9) responden amat bersetuju bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji dapat memberi maklumat tentang peluang pendidikan dan kursus yang ditawarkan di institusi dan kolej tempatan. Lebih daripada separuh iaitu 78.9% (90) responden bersetuju bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji dapat memberi maklumat tentang peluang-peluang pendidikan dan kursus-kursus yang ditawarkan di institusi dan kolej tempatan, manakala 13.2% (15) responden tidak bersetuju. Tiada guru yang amat tidak bersetuju.

Bagi 6.1% (7) responden pula, mereka amat bersetuju dengan item 12 iaitu perkhidmatan ini meningkatkan motivasi pelajar untuk mencapai kejayaan dalam bidang akademik jika dibandingkan dengan 53.5% (61) responden yang bersetuju. 39.5% (45) responden tidak bersetuju dan hanya 0.9% (1) responden sahaja yang amat tidak bersetuju.

Secara keseluruhannya, didapati bahawa 60.5% (69) responden bersetuju bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dapat membantu pelajar menghadapi masalah akademik berbanding dengan 5.3% (6) responden yang amat bersetuju. Peratus responden yang tidak bersetuju adalah 33.3% (38) jika dibandingkan dengan hanya 0.9% (1) responden yang amat tidak bersetuju. Ini bermakna bahawa 65.8% (75) responden bersetuju dan 34.2% (39) responden tidak bersetuju bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji dapat membantu pelajar menghadapi masalah akademik.

4.5 Penilaian Terhadap Perkhidmatan Maklumat Kerjaya

Bagi item 13 hingga 16, datanya telah dianalisis untuk menjawab soalan kajian keempat iaitu apakah penilaian para guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan maklumat kerjaya. Hasilnya adalah seperti dalam jadual 5.

Jadual 5: Penilaian Terhadap Perkhidmatan Maklumat Kerjaya

	Amat setuju	Setuju	Tidak setuju	Amat tidak setuju
Item 13	7.9% (9)	56.1% (64)	35.1% (40)	0.9% (1)
Item 14	5.2% (6)	50.9% (58)	42.1% (48)	1.8% (2)
Item 15	1.8% (2)	55.2% (63)	41.2% (47)	1.8 % (2)
Item 16	4.4% (5)	64.9% (74)	30.7% (35)	0.0% (0)

Bagi item 13, 7.9% (9) responden amat bersetuju bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling menyebarkan maklumat kerjaya kepada pelajar dengan berkesan manakala 56.1% (64) responden bersetuju. 35.1% (40) responden tidak bersetuju berbanding dengan 0.9% (1) responden yang amat tidak bersetuju.

Peratus responden yang amat bersetuju dengan item 14 iaitu penyebaran maklumat kerjaya mencakupi kebanyakan kerjaya ialah 5.2% (6) jika dibandingkan dengan 50.9%

(58) responden yang bersetuju. 42.1% (48) responden pula tidak bersetuju. Hanya 1.8% (2) responden amat tidak bersetuju bahawa penyebaran maklumat kerjaya mencakupi kebanyakan kerjaya.

Hanya 1.8% (2) responden amat bersetuju dengan item 15 iaitu perkhidmatan ini membantu pelajar memilih pekerjaan berdasarkan keupayaan dan minatnya. Sementara itu, lebih separuh daripada responden iaitu 55.2% (63) bersetuju jika dibandingkan dengan 41.2% (47) responden yang tidak bersetuju. Manakala 1.8% (2) responden amat tidak setuju bahawa perkhidmatan ini membantu pelajar memilih pekerjaan berdasarkan keupayaan dan minatnya.

Item 16 pula adalah sama ada pelajar dan kaunselor berbincang tentang peluang pendidikan dan kerjaya berdasarkan minat dan keupayaannya. 4.4% (5) responden amat bersetuju berbanding dengan 64.9% (74) responden yang bersetuju bahawa pelajar dan kaunselor berbincang tentang peluang pendidikan dan kerjaya berdasarkan minat dan keupayaannya. Peratus responden yang tidak bersetuju pula ialah 30.7% (35) dan tiada responden yang amat tidak bersetuju dengan item 16.

Secara keseluruhannya, didapati 4.8% (5) responden amat bersetuju bahawa perkhidmatan maklumat kerjaya di sekolah yang dikaji dapat dilaksanakan dengan baik berbanding dengan 56.8% (65) responden yang bersetuju. 37.3% (43) responden tidak bersetuju dan 1.1% (1) responden amat tidak bersetuju bahawa perkhidmatan maklumat

kerja di sekolah yang dikaji dapat dilaksanakan dengan baik. Ini bermakna bahawa 61.6% (70) responden bersetuju dan 38.4% (44) responden tidak bersetuju bahawa perkhidmatan maklumat kerjaya dilaksanakan dengan baik di sekolah yang dikaji.

4.6 Penilaian Terhadap Keperibadian Kaunselor

Untuk menjawab soalan kajian kelima iaitu apakah penilaian para guru terhadap keperibadian kaunselor di sekolah yang dikaji, item 17 hingga 28 telah dianalisis. Dapatannya adalah seperti dalam jadual 6.

Jadual 6: Penilaian Terhadap Keperibadian Kaunselor

	Amat setuju	Setuju	Tidak setuju	Amat tidak setuju
Item 17	7.0% (8)	61.4% (70)	28.1% (32)	3.5% (4)
Item 18	5.3% (6)	71.9% (82)	21.9% (25)	0.9% (1)
Item 19	5.3% (6)	71.9% (82)	21.9% (25)	0.9 % (1)
Item 20	5.3% (6)	71.0% (81)	22.8% (26)	0.9 % (1)
Item 21	3.5% (4)	75.4% (86)	21.1% (24)	0.0% (0)
Item 22	3.5% (4)	46.5% (53)	47.4% (54)	2.6% (3)
Item 23	7.9% (9)	72.8% (83)	15.8% (18)	3.5% (4)
Item 24	3.5% (4)	48.2% (55)	43.9% (50)	4.4% (5)
Item 25	2.6% (3)	62.3% (71)	31.6% (36)	3.5% (4)
Item 26	3.5% (4)	70.2% (80)	25.4% (29)	0.9% (1)
Item 27	8.8% (10)	72.8% (83)	18.4% (21)	0.0% (0)
Item 28	12.3% (14)	74.5% (85)	12.3% (14)	0.9% (1)

Untuk item 17, iaitu sama ada kaunselor seorang yang mesra kepada para guru dan pelajar, 7.0% (8) responden amat setuju berbanding dengan 61.4% (70) yang bersetuju. Manakala 28.1% (32) responden tidak bersetuju dan 3.5% (4) responden amat tidak setuju bahawa kaunselor adalah seorang yang mesra kepada para guru dan pelajar.

Bagi item 18 iaitu sama ada kaunselor sedia bekerjasama, 5.3% (6) responden amat bersetuju dan 71.9% (82) responden bersetuju. 21.9% (25) responden tidak bersetuju bahawa kaunselor sedia bekerjasama berbanding dengan hanya 0.9% (1) responden yang amat tidak bersetuju.

Sementara itu, bagi item 19 iaitu sama ada kaunselor adalah seorang yang memahami, 5.3% (6) responden amat bersetuju dan 71.9% (82) responden bersetuju. 21.9% (25) responden tidak bersetuju dan 0.9% (1) responden amat tidak bersetuju bahawa kaunselor adalah seorang yang memahami.

Peratus responden yang amat bersetuju dengan item 20 iaitu sama ada kaunselor bersifat terbuka ialah 5.3% (6) berbanding dengan 71.0% (81) responden yang bersetuju. 22.8% (26) responden tidak bersetuju dan 0.9% (1) responden amat tidak bersetuju bahawa kaunselor bersifat terbuka.

Bagi 3.5% (4) responden pula mereka amat bersetuju dengan item 21 bahawa kaunselor seorang yang sedia menerima cadangan berbanding dengan 75.4% (86) responden yang bersetuju. Manakala 21.1% (24) responden tidak bersetuju dan tiada responden yang amat tidak bersetuju bahawa kaunselor seorang yang sedia menerima cadangan.

Untuk item 22 iaitu sama ada kaunselor melibatkan diri dalam segala hal yang berlaku di sekolah, 3.5% (4) responden amat bersetuju dan 46.5% (53) responden bersetuju. Sementara itu, 47.4% (54) responden tidak bersetuju dan 2.6% (3) responden amat tidak bersetuju bahawa kaunselor melibatkan diri dalam segala hal yang berlaku di sekolah.

Bagi item 23 pula iaitu sama ada kaunselor sedia menerima pelajar yang dirujuk oleh guru, 7.9% (9) responden amat bersetuju dan 72.8% (83) responden bersetuju. 15.8% (18) responden tidak bersetuju dan 3.5% (4) responden amat tidak bersetuju bahawa kaunselor sedia menerima pelajar yang dirujuk oleh guru.

3.5% (4) responden amat bersetuju dengan item 24 iaitu kaunselor berupaya mengenalpasti pelajar yang memerlukan bantuan jika dibandingkan dengan 48.2% (55) responden yang bersetuju. 43.9% (50) responden pula tidak bersetuju dan 4.4% (5) responden amat tidak bersetuju bahawa kaunselor berupaya mengenalpasti pelajar yang memerlukan bantuan.

Sebanyak 62.3% (71) responden yang bersetuju dan 2.6% (3) responden amat bersetuju dengan item 25 iaitu kaunselor mengambil berat akan kebijakan pelajar. Responden yang tidak bersetuju bahawa kaunselor mengambil berat akan kebijakan pelajar adalah 31.6% (36) manakala 3.5% (4) responden pula amat tidak bersetuju.

Hanya 3.5% (4) responden amat bersetuju dengan item 26 iaitu kaunselor menghormati dan dihormati oleh pelajar. Malah 70.2% (80) responden bersetuju bahawa kaunselor menghormati dan dihormati oleh pelajar. 25.4% (29) responden tidak bersetuju dan 0.9% (1) responden sahaja yang amat tidak bersetuju bahawa kaunselor menghormati dan dihormati oleh pelajar.

8.8% (10) responden amat bersetuju dengan item 27 iaitu kaunselor melayan pelajar tanpa diskriminasi berbanding dengan 72.8% (83) responden yang bersetuju. Responden yang tidak bersetuju pula adalah sebanyak 18.4% (21) dan tiada responden yang amat tidak bersetuju.

Item 28 pula iaitu sama ada kaunselor mengamalkan etika kerahsiaan, hanya 12.3% (14) responden yang amat bersetuju berbanding dengan 74.5% (85) responden yang bersetuju. 12.3% (14) responden tidak bersetuju dan hanya 0.9% (1) responden amat tidak bersetuju bahawa kaunselor mengamalkan etika kerahsiaan.

Secara keseluruhannya didapati 5.7% (6) responden amat bersetuju dan 66.6% (76) responden bersetuju kaunselor mempunyai keperibadian yang baik. 25.9% (30) responden pula tidak bersetuju dan 1.8% (2) responden amat tidak bersetuju bahawa kaunselor mempunyai keperibadian yang baik. Ini bermakna 72.3% (82) responden bersetuju dan 27.7% (32) responden tidak bersetuju bahawa kaunselor mempunyai keperibadian yang baik.

4.7 Penilaian Terhadap Aktiviti Bimbingan Dan Kaunseling

Data bagi item 29 (a) hingga (f) telah dianalisis untuk menjawab soalan kajian keenam iaitu apakah penilaian para guru terhadap pelaksanaan aktiviti bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji. Dapatannya adalah dalam jadual 7.

Jadual 7: Penilaian Terhadap Aktiviti Bimbingan Dan Kaunseling

	Amat memuaskan	Memuaskan	Kurang memuaskan	Tidak memuaskan
Item 29 (a)	0.9% (1)	28.0% (32)	51.8% (59)	19.3% (22)
Item 29 (b)	1.8% (2)	59.6% (68)	35.1% (40)	3.5% (4)
Item 29 (c)	0.9% (1)	57.9% (66)	38.6% (44)	2.6 % (3)
Item 29 (d)	2.6% (3)	34.2% (39)	48.2% (55)	15.0% (17)
Item 29 (e)	8.7% (10)	62.3% (71)	27.2% (31)	1.8% (2)
Item 29 (f)	2.6% (3)	50.0% (57)	44.7% (51)	2.4% (3)

Bagi item 29 (a), 0.9% (1) responden berpendapat pelaksanaan Program Cuma Lima Minit Dadah yang diadakan di sekolah yang dikaji amat memuaskan. 28.0% (32) responden pula berpendapat pelaksanaan program ini memuaskan manakala 51.8% (59)

responden mendapati program ini kurang memuaskan. 19.3% (22) responden mendapati pelaksanaan Program Cuma Lima Minit Dadah tidak memuaskan.

Bagi item 29 (b), 1.8% (2) responden mendapati pelaksanaan ceramah anti-dadah amat memuaskan berbanding dengan 59.6% (68) responden yang berpendapat pelaksanaan aktiviti ini memuaskan. 35.1% (40) responden berpendapat pelaksanaan aktiviti ini kurang memuaskan berbanding dengan hanya 3.5% (4) responden yang mendapati pelaksanaan ceramah anti-dadah tidak memuaskan.

0.9% (1) responden mendapati item 29 (c) iaitu pelaksanaan Pameran Anti-Dadah di sekolah yang dikaji amat memuaskan berbanding dengan 57.9% (66) responden yang berpendapat pameran ini memuaskan. 38.6% (44) responden berpendapat pelaksanaan pameran ini kurang memuaskan berbanding dengan 2.6% (3) yang berpendapat pameran ini tidak memuaskan.

Bagi 2.6% (3) responden pula, mereka berpendapat bahawa item 29 (d) iaitu pelaksanaan Program Maju Diri adalah amat memuaskan. Manakala 34.2% (39) responden mendapati program ini memuaskan berbanding dengan 48.2% (55) responden yang berpendapat pelaksanaan program ini kurang memuaskan. 15.0% (17) responden pula berpendapat pelaksanaan program ini tidak memuaskan.

Manakala 8.7% (10) responden berpendapat bahawa item 29 (e) iaitu pelaksanaan pameran kerjaya amat memuaskan berbanding dengan 62.3% (71) responden yang berpendapat pelaksanaan pameran ini memuaskan. 27.2% (31) responden mendapati pelaksanaan pameran kerjaya kurang memuaskan jika dibandingkan dengan hanya 1.8% (2) yang berpendapat pelaksanaan pameran ini tidak memuaskan.

Bagi item 29 (f), 2.6% (3) responden berpendapat pelaksanaan Program Pembimbing Rakan Sebaya di sekolah yang dikaji amat memuaskan. 50% (57) responden pula mendapati pelaksanaan program ini memuaskan berbanding dengan 44.7% (51) responden yang mendapati pelaksanaan program ini kurang memuaskan. 2.4% (3) responden mendapati pelaksanaan program ini tidak memuaskan.

Secara keseluruhannya didapati bahawa 3.0% (3) responden berpendapat bahawa pelaksanaan aktiviti bimbingan dan kaunseling amat memuaskan berbanding dengan 48.7% (56) yang mendapati pelaksanaan aktiviti bimbingan dan kaunseling memuaskan. Manakala 40.9% (47) responden berpendapat pelaksanaan aktiviti bimbingan dan kaunseling kurang memuaskan berbanding dengan 7.4% (8) responden yang berpendapat pelaksanaan aktiviti ini tidak memuaskan. Ini bermakna 51.7% (59) responden berpendapat pelaksanaan aktiviti bimbingan dan kaunseling memuaskan berbanding dengan 48.3% (55) responden yang berpendapat pelaksanaan aktiviti bimbingan dan kaunseling tidak memuaskan.

Penyelidik juga meminta responden menyatakan masalah yang dihadapi oleh mereka apabila berurusan dengan kaunselor di sekolah. 28% (31) responden menghadapi masalah berhubung dengan kaunselor kerana menurut responden kaunselor sibuk menghadiri mesyuarat. Responden juga menyatakan bahawa beban kerja guru yang berat menyebabkan para guru tiada masa untuk berhubung dengan kaunselor.

Kurang maklumat dan pendedahan tentang aktiviti bimbingan dan kaunseling merupakan masalah yang dihadapi oleh 4% (5) responden apabila berurusan dengan kaunselor. Para guru tidak memahami peranan dan aktiviti bimbingan dan kaunseling yang dijalankan.

Manakala 4% (5) responden berpendapat bahawa tiada maklumbalas daripada kaunselor tentang pelajar yang dihantar menghadiri sesi kaunseling. Kaunselor tidak berbincang dengan guru tingkatan sama ada terdapat perubahan pada tingkahlaku pelajar selepas menghadiri sesi kaunseling.

1% (1) responden berpendapat oleh sebab kaunselor tidak mengajar, kaunselor tidak berjumpa dengan pelajar pada setiap hari. Dengan itu responden berpendapat kaunselor tidak memahami kesulitan yang dihadapi oleh guru dalam membantu pelajar di sekolah.

4% (5) responden pula tidak memahami prosedur bimbingan dan kaunseling di sekolah. Mereka tidak memahami sama ada pelajar yang bermasalah disiplin contohnya

dibawa terus berjumpa dengan kaunselor atau guru disiplin terlebih dahulu. Guru juga tidak begitu pasti sama ada masalah yang dihadapi oleh pelajar sesuai dirujuk kepada kaunselor atau tidak.

Sebanyak 59% (67) responden tidak menyatakan masalah yang dihadapi oleh mereka apabila berurusan dengan kaunselor.

Penyelidik juga meminta responden memberi cadangan untuk membaiki pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji. 18% (21) responden mencadangkan agar maklumat tentang peranan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling disebarluaskan dengan lebih meluas dan terperinci di kalangan guru dan pelajar. Kebanyakan guru tidak memahami peranan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Responden juga menyatakan bahawa mereka kurang pengetahuan dan pendedahan tentang perkhidmatan dan peranan kaunselor di sekolah. Oleh itu responden mencadangkan agar guru dan pihak pentadbir sekolah diberi kursus kaunseling supaya para guru dapat memahami peranan kaunselor di sekolah.

19% (22) responden pula mencadangkan kaunselor meningkatkan lagi keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji. Para guru mencadangkan lebih banyak aktiviti serta ceramah bimbingan dan kaunseling diadakan untuk membantu pelajar di sekolah. Para guru mencadangkan aktiviti bimbingan dan kaunseling di sekolah melibatkan guru tingkatan supaya guru mendapat pendedahan yang

lebih meluas tentang peranan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Dengan pengetahuan tentang peranan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah, para guru dapat membantu pelajar mengatasi masalah mereka. Responden juga mencadangkan kaunselor diminta mengajar dalam kelas supaya dapat mengenalpasti masalah pelajar.

Manakala 6% (7) responden berpendapat tindakan susulan dan maklumbalas harus dijalankan oleh kaunselor. Kaunselor perlu mengadakan pertemuan dengan guru dari semasa ke semasa untuk mendapat maklumbalas tentang rancangan dan aktiviti kaunseling yang telah dijalankan. Hasil maklumbalas daripada para guru dapat meningkatkan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji. Dengan itu kaunselor dapat membantu pelajar dengan lebih baik dan berkesan.

Hanya 22% (25) responden sahaja yang berpendapat hubungan di antara kaunselor dan pelajar harus ditingkatkan. Contohnya kaunselor harus memberi nasihat dan maklumat tentang peranan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling semasa perhimpunan dijalankan.

Manakala 9% (10) responden mencadangkan kaunselor, guru dan pelajar harus bekerjasama sebagai sebuah pasukan. Kaunselor perlu melibatkan guru dalam aktiviti bimbingan dan kaunseling dan guru tidak seharus bergantung sepenuhnya kepada

kaunselor untuk membantu pelajar. 26% (29) responden tidak memberi apa-apa cadangan.

4.8 Perbezaan Penilaian Mengikut Jantina, Kaum, Tahap Pendidikan Dan Pengalaman Bekerja

4.8.1 Penilaian Mengikut Jantina

Untuk menjawab soalan kajian ketujuh, data telah dianalisis. Bagi penilaian mengikut jantina, dapatannya adalah seperti dalam jadual 8.

Jadual 8: Penilaian Mengikut Jantina

	Frekuensi	Min	Standard Deviation	t	p
Lelaki	16	77.63	11.27		
Perempuan	98	75.70	9.49	.65	.52

Daripada jadual 8 di atas, skor min bagi lelaki dan perempuan adalah 77.63 dan 75.70. Perbezaan min adalah sebanyak 1.93. Ujian *t* yang dijalankan ke atas kedua-dua skor tadi menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan (*t* (.65)) = .52, *p*>.05. Manakala “effect size”nya ialah 0.2. Ini menunjukkan bilangan sampel tidak mempengaruhi keputusan kajian ini. Oleh itu tidak terdapat perbezaan penilaian guru mengikut jantina terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

4.8.2 Penilaian Mengikut Kaum

Bagi penilaian mengikut kaum, datanya telah dianalisis dan dapatannya adalah seperti dalam jadual 9.

Jadual 9: Penilaian Mengikut Kaum

Source	DF	Sum of squares	Mean Square	f	p
Between groups	2	10.98	5.49	0.06	.95
Within groups	111	10680.88	96.22		

Bagi perbezaan penilaian guru berdasarkan kaum, daripada jadual 9 di atas didapati bahawa ujian ANOVA yang dijalankan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan ($f(.057) = .95, p > .05$). Dengan itu, tidak terdapat perbezaan penilaian guru mengikut kaum terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

4.8.3 Penilaian Mengikut Gred

Data telah dianalisis dan hasilnya adalah seperti dalam jadual 10.

Jadual 10: Penilaian Mengikut Gred

	Frekuensi	Min	Standard Deviation	t	p
Siswazah	100	75.64	9.75		
Bukan Siswazah	14	78.29	9.63	.96	.35

Berdasarkan jadual 10 di atas, skor min bagi siswazah dan bukan siswazah adalah 75.64 dan 78.29. Perbezaan min adalah sebanyak 2.65. Ujian *t* yang dijalankan ke atas kedua-dua skor tadi menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan ($t (.96) = .35$, $p > .05$). Manakala “effect size”nya ialah 0.3. Ini bermakna bilangan sampel tidak mempengaruhi keputusan kajian ini. Dapatlah dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan penilaian guru mengikut tahap pendidikan terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. *

4.8.4 Penilaian Mengikut Pengalaman Bekerja

Untuk penilaian mengikut pengalaman bekerja, data telah dianalisis seperti dalam jadual 11.

Jadual 11: Penilaian Mengikut Pengalaman Bekerja

Source	DF	Sum of squares	Mean square	f	p
Between groups	2	326.87	163.44	1.75	.18
Within groups	111	10364.99	93.38		

Daripada jadual 11, ujian ANOVA yang dijalankan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan ($f(1.75) = .18, p>.05$). Dengan itu dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan penilaian guru mengikut pengalaman bekerja terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

Kesimpulannya, penilaian para guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling mengikut jantina, kaum, tahap pendidikan, dan pengalaman bekerja tidak menunjukkan perbezaan signifikan.